

Headline **Dr. Latiff raja ekspedis**
Date **03. Jul 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **4**
Article Size **1531** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Dr. Latiff raja ekspedis

KHAZANAH negara ini bukanlah barangan dalam lingkungan bernilai sejarah semata-mata, tetapi juga meliputi sumber hidupan di laut dan darat termasuklah hujan rimba.

Sumber biodiversiti atau kepelbagaian biologi ini sebenarnya khazanah yang berharga dan hidup serta boleh diwarisi dalam erti kata, patah tumbuh hilang berganti.

Seorang pakar botani tempatan, Prof. Datuk Dr. Abdul Latiff Mohamed berkata, khazanah rimba tersebut perlu dipulihara daripada menjadi mangsa kerakusan pihak tidak bertanggungjawab seperti pembalakan tidak terkawal dan sebagainya.

Beliau yang pernah menerima Anugerah Langkawi, menyifatkan penerokaannya ke hutan belantara sebagai salah satu cara mencari ketenangan dan kedamaian dengan ditemani kicauan burung dan unggas, selain bangga memiliki hutan yang kaya dengan flora dan fauna.

Keprihatinannya terhadap khazanah rimba itu terbukti dengan rekod mengetahui dan menyertai tidak kurang 12 ekspedisi saintifik di seluruh negara termasuk yang terbaru Ekspedisi Saintifik Pusat Perlindungan Hidupan Lajak Entimau, Kapit, Sarawak, pada minggu lepas.

Pada Ekspedisi Saintifik Gunung Gagau, Terengganu, pada Februari lalu, sebanyak 80 orang menyertai ekspedisi bersama Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) bagi meneroka kepelbagaian alam semula jadi di gunung tersebut.

Ekspedisi selama sembilan hari itu turut disertai Akademi Sains Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar, Taman Negara (Perhilitan), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Terengganu

(UMT).

Menurut Dr. Latiff, dengan ketinggian 1,376 meter, Gunung Gagau terletak di Taman Negara iaitu antara sempadan Kelantan, Terengganu dan Pahang, yang kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna, geologi dan fizikal yang masih belum diketahui ramai.

"Daripada segi geografi, puncak Gunung Gagau terletak di negeri Pahang tetapi untuk ke sana, bermula di Sungai Chicir dan kami masuk menyusuri melalui Tasik Kenyir," katanya.

Dalam ekspedisi tersebut, peserta ekspedisi dibahagikan kepada empat pasukan penyelidik iaitu kepelbagaian flora dan fauna, kepelbagaian biologi dan fizikal, pemuliharaan dan potensi pelancongan.

Antara yang ditemui termasuk haiwan mamalia seperti gajah, tapir dan beruang dan yang menariknya sungai menjadi syurga ikan kelah, menunjukkan adanya potensi produk pelancongan dan taman herba.

Kawasan tersebut juga merupakan gunung batu kapur dan tinggalan porselin. "Airnya dingin, tanahnya jenis gambut, mengandungi pokok kecil, ada tanda-tanda nutrien tanah telah dihakis, meninggalkan tanah nipis.

"Tetapi penemuan yang paling seronok ialah dua spesies *Rafflesia* iaitu *kentelii* dan satu lagi yang belum dikenalpasti," katanya ketika berkongsi pengalaman menyeronokkan semasa ekspedisi tersebut.

Gunung Gagau yang masih belum diterokai oleh beliau itu sebenarnya mempunyai lebih daripada itu.

Namun bagi Dr. Latiff, penemuan tersebut wajar didokumentasi sebagai bahan rujukan dan bacaan generasi akan datang. - LAUPA JUNUS



DR. ABDUL LATIFF MOHAMED



SPESES lumut yang ditemui pada ekspedisi di Gunung Gagau.



ANTARA spesies pokok yang masih belum diketahui ramai dan ditemui oleh peserta Ekspedisi Saintifik Gunung Gagau, Terengganu pada Februari lalu.

Headline **Dr. Latiff raja ekspedis**
Date **03. Jul 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**



Ekspedisi yang pernah disertai oleh Dr. Latiff

- Ekspedisi Saintifik Wang Kelian Perlis, pada 28 September hingga 4 Oktober 1999.
- Ekspedisi Saintifik Wang Mu, Perlis pada 2 hingga 7 Oktober 2000. Hasil kedua-dua ekspedisi ini membawa kepada penubuhan Taman Negeri Perlis.
- Ekspedisi Saintifik Gunung Perlis pada 2000 yang hasilnya akan diterbitkan dalam bentuk jurnal.
- Ekspedisi Saintifik Bukit Rongkit, Perlis pada 2000.
- Ekspedisi Taman Negara Endau Rompin, Johor, dengan kerjasama Universiti Malaya pada 2001.
- Ekspedisi Taman Negara-Rompin (bahagian Pahang) pada 17 hingga 22 Jun 2002.
- Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Hayat Hutan Simpan Ulu Muda, Kedah pada 23 hingga 29 Mac 2003.
- Ekspedisi Saintifik dan Khazanah Alam di Langkawi pada 2003.
- Ekspedisi Saintifik Hutan Simpan Belum pada 22 Mei hingga 31 Mei 2003. Ekspedisi ini membawa kepada perisytiharan kawasan tersebut sebagai Taman Negeri Diraja Hutan Belum.
- Ekspedisi Saintifik Gunung Stong di Jeli Kelantan pada 23 hingga 29 Mei 2003. Keistimewaannya ialah kawasan tersebut merupakan unjuran banjaran Titiwangsa yang kaya dengan hidupan liar.
- Ekspedisi Saintifik Gunung Mandi Angin, Dungun, Terengganu pada 5 hingga 10 Jun 2004.
- Ekspedisi Saintifik Gunung Gagau Februari 2008.
- Ekspedisi Saintifik Pusat Perlindungan Hidupan Lajjak Entimau, Sarawak Jun 2008